



# RISALAH UNTUK PENGUNDI

**PRU14**  
**UNDILAH**  
**PAS**



15 Syaaban 1439H / 1 Mei 2018 (Isnin)

| Bilangan: 11

## SELAMATKAN WANG NEGARA DENGAN DASAR PEMERINTAHAN ISLAM

Oleh: **USTAZ MOHD ASRI MAT DAUD**

Ketua Penerangan

Dewan Ulamak PAS Pusat

1. Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Yusuf berkata: Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya.”* [Yusuf: 55]

2. Tindakan Nabi Yusof AS memohon berada ditampuk kepimpinan adalah untuk menyelamatkan perbendaharaan negara dengan panduan Ilahi berdasarkan wahyu yang diturunkan ke atas Baginda AS. Ibnu al-Arabi menyatakan bahawa tindakan Baginda AS tersebut adalah bagi memastikan hak-hak golongan fakir miskin dapat disalurkan kepada mereka dan supaya tiada orang yang dapat memakan harta perbendaharaan dengan sewenang-wenangnya.

3. Implikasi positif dengan menyelamatkan wang negara ialah lebih sumber dapat digunakan untuk kebaikan rakyat secara umum. Sebab itu,

dalam manifesto PAS ada tawaran melupuskan hutang peminjam PTPTN, bantuan bulanan makanan kepada fakir miskin dan sebagainya yang melibatkan kos yang besar mampu direalisasikan apabila wang negara dapat diselamatkan.

4. Pelbagai skandal dalam pentadbiran BN pada hari ini, jika di urus dengan cara Islam, akan mampu memberikan manfaat kebajikan yang besar kepada rakyat. Begitu juga ketirisan dalam perbelanjaan kerajaan yang saban tahun menunjukkan pemborosan melibatkan billion ringgit dapat diatasi.

5. Masalah korupsi ini tidak mampu diubahi melainkan dengan kembali kepada dasar pemerintahan Islam. Rakyat perlu membuka minda agar memilih kerajaan yang bebas dari korupsi kerana ia dilarang oleh Allah SWT dan juga demi menyelamatkan wang negara bagi kemaslahatan serta kebajikan umum rakyat.

6. PAS menerusi kerajaan Kelantan telah berjaya menunjukkan model pentadbiran ekonomi Islam yang boleh dibanggakan dan patut diangkat ke tahap pelaksanaan pentadbiran peringkat Persekutuan dengan memberikan PAS mandat untuk memerintah pada PRU-14 ini.

